

28 MAY 2000

MTUC MAHU PEMERIKSAAN KESIHATAN PEKERJA ASING SECARA KERAP

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyarankan agar pekerja asing disyaratkan menjalani pemeriksaan kesihatan secara kerap dan tidak hanya untuk mendapatkan permit kerja.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata langkah itu bagi memastikan pekerja asing sentiasa bebas daripada penyakit terutama mereka yang bekerja di restoran.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pengarah Imigresen Datuk Aseh Che Mat semalam bahawa pekerja asing termasuk pembantu rumah akan diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan di negara ini sebelum permit kerja mereka diluluskan mulai 1 Jun ini.

"MTUC menyambut baik langkah ini tetapi pemeriksaan kesihatan itu harus diadakan kerap kali, kalau boleh tiga atau enam bulan sekali bagi memastikan mereka bebas daripada penyakit," katanya kepada Bernama.

Zainal juga menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan pada dasarnya bersetuju dengan pelaksanaan gaji bulanan untuk pekerja ladang.

Katanya, MTUC sedia berbincang dengan kerajaan untuk menentukan kadar munasabah bagi gaji bulanan itu walaupun kongres sebelum ini meletakkannya pada kadar minimum RM1,200.

-- BERNAMA

AZZ FAZ